

Legasi kewangan Islam Malaysia terus menyerlah, diiktiraf global

• Ini menunjukkan usaha Anwar mengalihkan naratif kewangan Islam daripada pengertian sempit sebagai sistem 'bebas riba' kepada sebuah kerangka menyentuh persoalan keadilan sosial dan kemanusiaan sejagat

• Pendekatan ini seiring dengan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) PBB, sekali gus membuktikan bagaimana kewangan Islam boleh menjadi instrumen pembangunan mampan global



Oleh Prof Dr Rusdi Omar
bhrencana@bh.com.my

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dianugerahkan Anugerah Kepimpinan Kewangan Islam Global (GIFA) 2025, sebagai pengiktirafan atas sumbangan besar beliau menjadikan Malaysia sebagai peneraju utama kewangan Islam antarabangsa. Anugerah ini disampaikan Pengerusi GIFA, Prof Humayon Dar di ibu negara. Anugerah tahunan berprestij ini, diperkenalkan pada 2011 oleh Edbiz Corporation, berfungsi sebagai label kecemerlangan, merangkumi pencapaian kerajaan, institusi dan individu mempromosikan serta memperkukuh kewangan Islam dengan mengekalkan asas tanggungjawab sosial.

Humayon menekankan penganugerahan ini bukan semata-mata bersifat simbolik, sebaliknya mencerminkan kekuatan nilai kepimpinan berwawasan ditunjukkan Perdana Menteri.

Dalam ucapannya, Humayon menyatakan: "Fokus beliau (Anwar) terhadap pendidikan, pembangunan mampan dan ekonomi yang adil melahirkan dasar memberi kesan besar bukan sahaja kepada Malaysia, tetapi kepada dunia Islam dan masyarakat antarabangsa".

Kenyataan Humayon memperlihatkan penekanan kepada hubungan erat antara dasar negara dengan prinsip kewangan Islam, iaitu keadilan, pembangunan sosioekonomi dan pemberdayaan masyarakat.

Kenyataan ini menyokong pandangan Malaysia di bawah pimpinan Anwar memperkukuh peranan kewangan Islam bukan sekadar instrumen teknikal kewangan, tetapi sebagai medium transformasi sosial dan pembangunan bersepadu.

Dalam ucapannya, Anwar menolak pendekatan individualistik dalam meraih pencapaian ini. Beliau mengangkat usaha kolektif penggerak industri, sarjana dan pelaksa sejak era awal kewangan Islam di Malaysia.

Anwar menegaskan: "Apa juga sumbangan kecil saya lakukan, pengiktirafan ini sebenarnya milik mereka yang berkhidmat, lebih besar daripada saya".

Kenyataan ini penting kerana ia mencerminkan etos kepimpinan terangkum yang menjadi asas kepada kerangka Islamiah mengenai amanah.

Dalam kerangka ilmiah, sikap ini menegaskan konsep al-musarakah (perkongsian) bukan sahaja pada tahap transaksi kewangan, tetapi pada tahap epistemologi pembangunan sistem kewangan Islam.

Ucapan Perdana Menteri memperlihatkan orientasi lebih mendalam dan falsafah. Anwar menegaskan

kan kewangan Islam tidak boleh difahami hanya sebagai sistem perbankan bebas riba, sebaliknya mesti menzahirkan tuntutan maqasid syariah, iaitu keadilan, kesamarataan, kebertanggungjawaban sosial dan pengagihan saksama.

Beliau menegaskan: "Etos kewangan Islam sememangnya bersifat sejagat kerana ia berakar daripada prinsip atau asas fundamental maqasid syariah, pada dasarnya merangkumi prinsip keadilan, perkongsian risiko dan penolakan eksploitasi, tentunya memberikan panduan abadi."

Ini menunjukkan usaha Anwar mengalihkan naratif kewangan Islam daripada pengertian sempit sebagai sistem 'bebas riba' kepada sebuah kerangka menyentuh persoalan keadilan sosial dan kemanusiaan sejagat.

Kewangan Islam dilihat bukan sekadar instrumen ekonomi, tetapi juga instrumen keadilan antarabangsa dan solidariti kemanusiaan

Lebih jauh, Anwar mengaitkan kewangan Islam dengan cabaran kontemporari dunia global khususnya ketidakadilan, kemiskinan, marginalisasi, serta konflik berterusan di dunia Islam, termasuk isu Gaza.

Instrumen keadilan antarabangsa

Di sini, kewangan Islam dilihat bukan sekadar instrumen ekonomi, tetapi juga instrumen keadilan antarabangsa dan solidariti kemanusiaan.

Anwar turut menegaskan: "Ukuran sebenar kejayaan tidak akan pernah dinilai semata-mata daripada saiz aset, tetapi daripada kehidupan berubah dan masa depan terjamin".

Dengan ini, jelas Perdana Menteri mengalihkan tumpuan daripada petunjuk kuantitatif seperti aset, modal dan pasaran kepada petunjuk kualitatif seperti besar nilainya iaitu kesejahteraan sosial, pendidikan dan kelestarian hidup.

Anwar dalam ucapannya turut menyarankan kewangan Islam mampu memimpin agenda global, bukan sekadar mengikut arus instrumen kewangan konvensional.

Beliau memberikan contoh instrumen baharu selari dengan cabaran semasa, seperti 'Green Sukuk' yang dapat membiayai pembangunan mampan dan infrastruktur hijau; platform digital memperluas akses kewangan sehingga ke peringkat komuniti marjinal serta instrumen sosial seperti zakat dan wakaf yang boleh diperbesarkan skalanya bagi mengangkat komuniti terpinggir.

Pendekatan ini seiring dengan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), sekali gus membuktikan bagaimana kewangan Islam boleh menjadi instrumen pembangunan mampan global.

Paling penting, penerimaan GIFA 2025 oleh Anwar membawa beberapa signifikan penting yang wajar diperhalusi.

Pertama, ia menandakan kesinambungan legasi Malaysia dalam kepimpinan kewangan Islam global, kerana Anwar adalah Perdana Menteri kedua selepas Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi menerima pengiktirafan ini, sekali gus menegaskan peranan Malaysia sebagai pusat rujukan utama dunia Islam.

Kedua, ucapan Anwar mengangkat wacana kewangan Islam daripada pendekatan teknikal semata-mata kepada falsafah dasar berasaskan maqasid syariah yang menekankan keadilan, kesaksamaan dan keberkesanan sosial.

Ketiga, pengiktirafan ini juga memperlihatkan kesepadanan antara dasar domestik Malaysia dengan agenda global. Penekanan terhadap inklusi, pembangunan mampan dan solidariti antarabangsa menunjukkan kewangan Islam bukan semata-mata melayani kepentingan umat Islam, tetapi menawarkan alternatif ekonomi beretika kepada seluruh masyarakat dunia.

Akhir sekali, anugerah ini menjadi dorongan kolektif kepada pengawal selia, institusi kewangan, ahli akademik dan masyarakat antarabangsa untuk terus memperluas inovasi dalam rangka patuh syariah, sekali gus memastikan keberlangsungan kewangan Islam sebagai model alternatif mampan dan berkesan.

Kesimpulannya, pengiktirafan GIFA 2025 kepada Anwar menandakan satu pencapaian bersejarah bukan sahaja untuk beliau secara peribadi, tetapi Malaysia sebagai makmal politik-ekonomi dunia.

Dalam kerangka analisis politik-ekonomi, Anwar mengangkat kewangan Islam sebagai instrumen transformatif menyeberangi sempadan agama dan negara, daripada penyelesaian teknikal bebas riba kepada kerangka menyeluruh keadilan sosial, pembangunan mampan dan solidariti global.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH